

PROFESSIONAL HUFFAZ AT UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN): AN INTRODUCTION

HUFFAZ PROFESIONAL DI UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN): SATU PENGENALAN

Muhammad Hafizan Abd. Hamidiⁱ & Hamdi Ishakⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Pusat Kelestarian Turath Islami, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
mhafizan@uniten.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Kelestarian Turath Islami, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
hamdi@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>This article aims to review in-depth of the development of the Professional Huffaz Program at UNITEN. The main aspect of the research is the history of the existence of the tahfiz program at UNITEN and the form of cooperation by all parties at UNITEN in the success of the Tahfiz Program. This research is a qualitative study using literature review and interview methods. The results showed that the implementation of the Tahfiz Program at higher education requires the support and cooperation of all parties within an institution. As an educational institution that introduces the field of tahfiz and engineering studies, an in-depth research on the course of the program is necessary as an effort to encourage people to pursue the field of Tahfiz and professional fields in parallel. In addition, this research also discusses the collaboration of UNITEN and external organizations that are involved directly and indirectly in the implementation of the Tahfiz program at UNITEN.</i></p> <p>Keywords: <i>Professional, huffaz, engineering, programme, UNITEN.</i></p>
Abstrak	<p><i>Artikel ini bertujuan untuk meninjau dengan lebih mendalam perjalanan dan perkembangan Program Huffaz Profesional di UNITEN. Aspek utama yang dilihat adalah sejarah kewujudan program tahfiz di UNITEN serta bentuk kerjasama yang padu oleh semua pihak di UNITEN dalam menayakan program tahfiz. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan temubual. Hasil kajian mendapati pelaksanaan program tahfiz di peringkat pengajian tinggi memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak di dalam sesebuah institusi. Sebagai institusi pendidikan yang memperkenalkan bidang pengajian tahfiz dan kejuruteraan, penelitian terhadap perjalanan program ini amatlah perlu sebagai usaha menggalakkan orang ramai mengikuti bidang pengajian tahfiz dan bidang profesional secara seiring. Di samping itu, kertas ini juga membincangkan kerjasama unit-unit dalam UNITEN dan organisasi luar UNITEN yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pelaksanaan program Tahfiz di UNITEN.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Profesional, Huffaz, Kejuruteraan, Program UNITEN.</i></p>

PENDAHULUAN

Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran bermula pada tahun 2000. Profesor Madya Dr. Sidek Baba selaku Ahli Lembaga Pengarah Darul Quran ketika itu telah membentangkan kertas

kerja cadangan yang bertajuk “Perancangan Masa Depan Program Akademik Darul Quran” pada Muzakarah Masa Depan Darul Quran. Dalam kertas kerja cadangan tersebut, beliau mencadangkan agar diwujudkan program berkembar kerjasama antara Darul Quran dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (Nordin, 2016).

Perkembangan program pengajian tahfiz di peringkat institusi pengajian tinggi adalah sangat memberansangkan. Pada tahun 2012, UNITEN pula membuka peluang kepada para pelajar mempelajari bidang tahfiz dan kejuruteraan secara bersepadu. Kejayaan ini diteruskan oleh *Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)* yang memperkenalkan pengajian tahfiz bersama farmasi atau kedokteran pada tahun 2014. Seterusnya ia terus berkembang ke Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) pada tahun 2016 dan Politeknik pada tahun 2017 (Muhammad Toriq & Abdul Razak, 2018).

HUFFAZ PROFESIONAL DI UNITEN

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) merupakan salah satu *Government Link University (GLU)* bernaung di bawah Tenaga Nasional Berhad. UNITEN kampus Putrajaya memfokuskan bidang Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (IT), manakala kampus di Muadzam dalam bidang perniagaan dan perakaunan. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan UNITEN sentiasa mengambil berat terhadap bimbingan rohani dan sahsiah pelajar walaupun berada di luar suasana bidang pengajian Islam. Antara inisiatif pihak universiti adalah mewujudkan subjek Pengajian Islam kepada seluruh pelajar Muslim di UNITEN bermula peringkat pengajian asas sehingga peringkat pengajian Ijazah (Brosur UNITEN).

UNITEN mengorak selangkah ke hadapan dengan memperkenalkan bidang pengajian Tahfiz yang dilaksanakan di universiti. Program yang mendapat kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ini merupakan satu kesinambungan tatkala melihat perkembangan sekolah-sekolah yang menawarkan pengajian Tahfiz di peringkat menengah. Justeru, UNITEN mengambil inisiatif dan peluang menawarkan pelajar-pelajar meneruskan pengajian Tahfiz di peringkat pensijilan dengan suasana yang berbeza dan pendedahan kepada bidang kejuruteraan.

Huffaz merupakan kata gandaan kepada sekumpulan hafiz yang membawa maksud orang yang memelihara dan mengekalkan al-Quran dalam ingatannya. Kebiasaannya, golongan ini juga akan membawa gelaran al-hafiz atas tanggungjawab yang dipikul oleh mereka memelihara al-Quran (Kamus Dewan, 2005). Golongan ini dikumpulkan di UNITEN atas dasar memperbaiki mutu hafazan selepas tamat peringkat menengah. Program khusus ditentukan bagi mereka agar ia mampu menjadi satu usaha membentuk kecemerlangan golongan huffaz ini di peringkat yang seterusnya.

Manakala gabungan perkataan profesional merujuk kepada individu yang mengamalkan (kerana pengetahuan, kepakaran, dan kemahirannya) sesuatu bidang profesion (Kamus Dewan, 2005). Bidang yang dimaksudkan dalam program ini adalah bidang kejuruteraan. Bidang kejuruteraan yang ditawarkan dalam program ini seperti mekanikal, elektrik dan elektrikal, awam dan lain-lain. UNITEN menjalankan pengajian Tahfiz dan pengajian kejuruteraan ini secara serentak dalam jadual harian pelajar program ini.

Program pengajian Tahfiz secara formal bermula di UNITEN pada tahun 2012. Hasil cetusan idea En. Mohd Ariff Ahmad Tarmizi (sebagai Dekan Kolej Pengajian Asas dan Diploma ketika itu) dan Dr. Adnan Yusoff (sebagai Pengarah Pusat Islam UNITEN ketika itu), program bersepadu pengajian Tahfiz dan kejuruteraan ini telah berjaya dilaksanakan. Pada peringkat awal perbincangan, En. Mohd Ariff dan Dr. Adnan telah menyuarakan pandangan dan idea ini kepada Dato’ Haji Razali Shahabuddin (Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM (TKPPI) ketika itu). Hasrat ini disambut baik oleh pihak JAKIM dan ditubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyusun dan merangka sistem akademik bersepadu ini.

Jawatankuasa Khas akademik ini dipengerusikan bersama oleh Dato’ TKPPI JAKIM dan Dato’ Prof. Ir. Dr. Ibrahim Hussein, Timbalan Naib Canselor Akademik (TNCA)

UNITEN. Jawatankuasa ini juga dibantu oleh Bahagian Pembangunan Insan, JAKIM dan Darul Quran JAKIM. Selepas melaksanakan beberapa kali bengkel asas dan bengkel pemurnian, maka satu memorandum persefahaman termeterai antara pihak JAKIM dan UNITEN pada 20 Mac 2013. Upacara Memorandum Perjanjian Persetujuan (MoA) telah disempurnakan perasmianya oleh YB Dato' Dr. Masyitah binti Haji Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu. MoU antara JAKIM dan UNITEN ini ditandatangani oleh Tan Sri Dato' Hj. Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM bersama Dato' Seri Prof. Mashkuri Yaacob, Naib Canselor UNITEN ketika itu dan disaksikan oleh Dato' Hj Razali Shahabuddin, Timbalan Ketua Pengarah JAKIM dan Dato' Prof. Ir. Dr. Ibrahim Hussein, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Penyelidikan) UNITEN (Mstar Online, 2013).

Pengambilan pelajar bermula pada Februari 2012. Perintis bagi program ini adalah seramai 22 orang yang terdiri daripada pelajar lelaki sahaja. Tahun berikutnya menunjukkan perkembangan yang baik dengan UNITEN menerima 21 orang pelajar lelaki dan 14 orang pelajar perempuan. UNITEN terus bergerak ke hadapan apabila selepas memeterai MoA bersama JAKIM pada Mac 2013, UNITEN telah berjaya memeterai satu lagi MoU Bersama Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) pada 20 November 2013. Hasil daripada MoU ini membuahkan hasil apabila 5 orang pelajar Sabah telah dihantar menyambung pengajian di UNITEN pada 19 Ogos 2013 (Utusan Malaysia, 30 Disember 2013). Sehingga 2016, UNITEN telah berjaya menerima 207 orang pelajar keseluruhan.

Konstruksi pengajian pelajar Program Pengajian Tahfiz Kejuruteraan UNITEN adalah ilmu-ilmu berteraskan al-Quran, kejuruteraan dan pembangunan kemahiran insaniah pelajar. Para pelajar bukan sahaja dibimbing ke arah kecemerlangan akademik, tetapi juga ke arah penguasaan kemahiran-kemahiran insaniah (*soft skill*) yang merangkumi aspek komunikasi, dokumentasi, kepimpinan dan pengurusan (Kertas kerja cadangan Majlis Menandatangani Memorandum Persetujuan Pelaksanaan (MOA) antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan Universiti Tenaga Nasional (Mohd Ariff, 2015).

Objektif

Antara objektif Huffaz Profesional UNITEN adalah:

- i. Melahirkan golongan profesional Muslim yang berteraskan metodologi ilmu-ilmu tulen.
- ii. Mengembalikan kegemilangan ilmu-ilmu Islam merentasi kurikulum secara komprehensif dan bersepadu.
- iii. Memastikan pelajar-pelajar Tahfiz atau mereka yang berminat mempelajarinya mampu menghafaz dan menjaga al-Quran dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif.
- iv. Melahirkan graduan bersifat holistik dan berketrampilan selaras dengan keperluan semasa.

Syarat-Syarat Kemasukan Program Huffaz Profesional

Terdapat beberapa syarat khusus yang ditetapkan bagi mengikuti program Tahfiz JAKIM-UNITEN (Brosur Huffaz Profesional UNITEN):

Program 4 Semester

- i. Sudah menghafaz sekurang-kurangnya 25 juzu'.
- ii. Lulus ujian temuduga.
- iii. Boleh menghafaz 1 muka surat dalam tempoh 45 minit.
- iv. Mempunyai sahsiah yang baik dan minat yang mendalam untuk menghafaz al-Quran.
- v. Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Arab.

Program 8 Semester

- i. Boleh membaca al-Quran dengan lancar dan bertajwid.

- ii. Boleh menghafaz 1 muka surat dalam tempoh 45 minit.
- iii. Lulus ujian temuduga.
- iv. Mempunyai sahsiah yang baik dan minat yang mendalam untuk menghafaz al-Quran.
- v. Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Arab.

Kerjasama Unit Dalaman Uniten

Jemaah Pengurusan Universiti

Kerjasama yang utuh dan saling melengkapi merupakan kunci penting bagi sesebuah universiti dalam melaksanakan program Tahfiz di sesebuah universiti. Pelaksanaan program ini tidak akan berjaya dengan hanya keputusan daripada pihak atasan tanpa mendapat bantuan daripada tenaga pelaksana di peringkat bawahan, begitu juga sebaliknya. Justeru, antara faktor utama keberjayaan pelaksanaan program ini ialah mendapat sokongan dan dorongan daripada pengurusan tertinggi universiti dan jawatankuasa senat universiti. Restu dan kesepakatan pihak atasan ini membuahkan hasil dengan menatijahkan semua unit di dalam universiti memberi kerjasama yang sangat baik (Mohd Ariff, 2015).

Pendaftar

Pendaftar merupakan unit terpenting bagi membantu melicinkan pergerakan sistem pengajaran dan pembelajaran Tahfiz di UNITEN. Ini adalah kerana faktor utama sistem pembelajaran ini dapat berjalan dengan baik ialah penyusunan jadual yang memberi keutamaan kepada para pelajar Tahfiz. Pendaftar akan membina satu seksyen khas bagi semua subjek yang diambil oleh para pelajar dan diletakkan waktu selepas jam 11 pagi. Hal ini adalah kerana semua pelajar Tahfiz diwajibkan untuk menghadiri kelas Al-Quran pada sebelah pagi pada jam 8-11 pagi. Penyusunan jadual ini khusus kepada semua pelajar Tahfiz sama ada di peringkat asasi, diploma atau pun ijazah (Mohd Ariff, 2015).

Kolej Pengajian Asas dan Diploma (CFDS)

CFDS merupakan sebuah kolej yang dahulunya dikenali sebagai Institut Kajian Liberal (IKAL). Unit yang menguruskan sepenuhnya pelajar asasi dan diploma ini merupakan tunjang kepada pergerakan program Tahfiz di UNITEN. CFDS mempunyai sebuah jawatankuasa pengurusan kolej yang disebut sebagai *College Management Committee* (CMC) iaitu jawatankuasa yang menghimpunkan dekan, semua timbalan dekan dan ketua jabatan, pegawai tadbir, pegawai kualiti serta penyelaras tahfiz dan penyelaras program pelajar cemerlang (PPES). Keberadaan penyelaras Tahfiz dalam jawatankuasa CMC menunjukkan CFDS melihat program Tahfiz sebagai program penting yang perlu dititik beratkan dari sudut pemantauan serta peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajarannya (Mohd Ariff, 2015).

Kolej Kejuruteraan (COE)

Kolej kejuruteraan merupakan kolej utama yang terdapat di UNITEN dengan 5 bidang menjadi pilihan iaitu kejuruteraan *mechanical, civil, electronics & communication* dan *electrical power*. Pihak pengurusan COE serta seluruh ketua jabatan sangat menyambut baik program tahfiz di UNITEN. Selepas para pelajar Tahfiz menamatkan pengajian di peringkat asasi dan diploma, pelajar akan memasuki peringkat ijazah yang berada di bawah pemerhatian COE. Justeru, pemantauan akademik seperti penyusunan jadual dan pelantikan penasihat akademik dalam kalangan pensyarah COE dibuat bagi mengawal dan membimbing pelajar. Selain itu, satu mesyuarat penyelarasan akademik akan dilakukan setiap semester antara pihak pengurusan COE dan Unit Tahfiz dalam mengenal pasti masalah akademik bagi membantu pelajar seperti kelas tambahan, *personal coaching* dan lain-lain (Mohd Ariff, 2015).

IT and Multimedia Services (ITMS)

ITMS merupakan sebuah unit yang menguruskan perkhidmatan teknologi maklumat sama ada *server*, *network* ataupun *system* serta menguruskan semua percetakan di UNITEN. ITMS telah merangka satu nombor pengenalan khas bagi pelajar Tahfiz bagi memudahkan semua unit yang lain dalam mengenal pasti pelajar Tahfiz dalam sistem. Bantuan pengenalan diri dalam sistem ini sangat membantu dalam penyusunan jadual secara berkelompok oleh pihak pendaftar dan penyusunan penginapan khas oleh pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP). Di samping itu juga, pihak ITMS banyak membantu perjalanan program Tahfiz di UNITEN dengan menyediakan perkhidmatan mencetak buku rekod hafazan serta bahan bantuan mengajar bagi kegunaan pensyarah dan pelajar (Mohd Ariff, 2015).

UNITEN Islamic Centre (UIC)

UIC adalah unit yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal Masjid UNITEN. UIC merupakan tempat utama pelaksanaan program Tahfiz dijalankan. Mempunyai 4 bilik kuliah utama di aras bawah, ia menjadi keutamaan kepada program Tahfiz dalam menyusun jadual kuliah akademik sebelum dibuka sewa kepada orang luar. Penggunaan dewan solat di aras 1 sebagai kelas hafazan Al-Quran juga merupakan satu peranan penting di samping suasana indah di sebelah tasik yang memberi ketenangan kepada para pelajar dalam menghafaz kalam Allah (Mohd Ariff, 2015).

Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU)

TAZU merupakan penyumbang dana terbesar dalam menggerakkan program tahfiz sejak program ini ditubuhkan pada tahun 2012. Pelajar tahfiz yang berkelayakan akan menerima tajaan yuran sepanjang pengajian tahfiz di UNITEN. Selain itu, sumbangan daripada pihak TAZU tidak hanya tertumpu kepada aktiviti-aktiviti anjuran pelajar, malah turut memberi bantuan kepada program pembangunan staf (Mohd Ariff, 2015).

Hal Ehwal Pelajar (HEP)

UNITEN mempunyai 4 asrama bagi penginapan para pelajar yang diberi nama Kelompok Ilmu, Kelompok Murni, Kelompok Amanah dan Kelompok Cendekiawan. Kelompok Ilmu dan Murni merupakan asrama bagi para pelajar perempuan manakala Kelompok Amanah dan Cendekiawan merupakan asrama bagi pelajar lelaki. Walau bagaimanapun, kesemua pelajar Tahfiz ditempatkan di Kelompok Ilmu dengan 2 blok khas iaitu I5 dan I6 dikhususkan untuk pelajar lelaki Tahfiz dan pelajar cemerlang. Hal ini adalah kerana Kelompok Ilmu merupakan kelompok yang paling dekat dengan Masjid UNITEN bagi memudahkan pelajar untuk menghadiri kelas hafazan disamping mengimarahkan masjid dengan pelbagai aktiviti. Penyusunan penginapan ini sangat membantu dalam melicinkan pergerakan program Tahfiz bagi pemantauan disiplin serta memupuk budaya kekeluargaan di dalam program ini (Mohd Ariff, 2015).

Marketing and Corporate Communication (MCC)

MCC banyak membantu mempromosikan Program Tahfiz di UNITEN sama ada di media massa atau melalui pembukaan booth di karnival, ekspo atau acara korporat yang diundang (Mohd Ariff, 2015).

Facility Development and Management (FDM)

FDM banyak membantu program Tahfiz dengan menyediakan prasarana dan kemudahan lengkap sama ada ketika temuduga pelajar baru, hari pendaftaran, hari terbuka serta semua program sama ada program akademik dan program anjuran pelajar tahfiz. Di samping itu juga, FDM membantu dari sudut menyediakan perkhidmatan kenderaan sama ada bas atau pun kereta sekiranya melibatkan program atau urusan rasmi di luar UNITEN (Mohd Ariff, 2015).

Sponsorship, Career and Alumni Centre (SCA)

Unit tajaan dalam SCA berperanan membantu para pelajar yang layak untuk mendapatkan penajaan bagi menjalani kehidupan seharian di UNITEN. Unit kerjaya pula diwujudkan bagi membimbing para pelajar dalam menentukan kerjaya dan minat sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Unit ini juga memberi panduan kepada pelajar agar berada di landasan yang tepat dalam menentukan hala tuju kerjaya selepas tamat belajar. Unit alumni pula kekal sebagai medan berhubung antara alumni di samping mengekalkan hubungan dengan universiti dalam menjadi contoh kepada para pelajar. Justeru itu, SCA banyak membantu para pelajar Tahfiz dalam mencari penaja yang sesuai di samping membimbing pelajar dalam menentukan aspek minat dan kerjaya (Mohd Ariff, 2015).

Kerjasama Organisasi Luar Uniten

Bahagian Pembangunan Insan (BPI), JAKIM

BPI merupakan sebuah jabatan yang penting dalam organisasi JAKIM. Menyediakan modal insan yang berkualiti daripada JAKIM adalah antara tugas yang perlu dilaksanakan oleh BPI. BPI berperanan menyediakan latihan pakar dan persediaan bagi tenaga kerja JAKIM agar dapat berkhidmat kepada masyarakat dan negara dengan cemerlang. Selain itu, BPI juga berperanan pada awalnya sebagai perangka dan penyedia modul dan silibus sesebuah latihan atau akademik. BPI merupakan sebuah jabatan yang terlibat secara langsung dalam pembinaan kurikulum tahfiz di UNITEN sebelum diserahkan kepada Darul Quran sepenuhnya (Mohd Ariff, 2015).

Darul Quran JAKIM

Darul Quran JAKIM merupakan sebuah Institut Pengajian Tinggi dalam bidang tahfiz yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selepas menandatangani MoU bersama JAKIM pada tahun 2013, Darul Quran merupakan badan yang bertanggungjawab dalam mengurus dan menganugerahkan pelajar Tahfiz di UNITEN bermula dengan pendaftaran pelajar sehinggalah Majlis Khatam dan Majlis Istiadat Konvokesyen. Di samping itu, Darul Quran juga menyediakan silibus bagi para pelajar Tahfiz UNITEN sebelum dilakukan penaziran setiap hujung semester. Darul Quran juga menguruskan peperiksaan akhir yang dilakukan di UNITEN pada setiap semester manakala peperiksaan ulangan akan dilakukan di Darul Quran (Mohd Ariff, 2015).

Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Majlis Amanah Rakyat (MARA) merupakan sebuah agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, ditubuhkan pada 1 Mac 1966 di bawah Akta Parlimen sebagai sebuah badan berkanun hasil daripada resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera pertama pada tahun sebelumnya. UNITEN yang diwakili En. Mohd Ariff Ahmad Tarmizi, Dekan CFDS ketika itu telah berbincang beberapa kali bersama pihak pengurusan tertinggi MARA bagi mendapatkan penajaan bagi pelajar Tahfiz di UNITEN. Justeru, permohonan bertulis pihak UNITEN kepada pihak MARA mendapat kelulusan melalui surat jawapan MARA pada 9 Mei 2012 (Mohd Ariff, 2015).

Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)

Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) merupakan sebuah badan agama yang mengawal dasar-dasar mengenai agama Islam di Negeri Sabah. Pada 18 Januari 2013, UNITEN dan MUIS telah mengadakan perbincangan bagi kemasukan pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri Toh Puan Hajah Rahmah di Kinarut bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang tahfiz kejuruteraan di UNITEN. Perbincangan kedua pihak diwakili oleh Naib Canselor UNITEN pada ketika itu iaitu Dato' Seri Prof. Mashkuri Yaacob dan Setiausaha MUIS, Datuk Hj. Amri A. Suratman. Hasil perbincangan menunjukkan keputusan positif dengan kemasukan kumpulan pertama dihantar oleh MUIS seramai 5 orang pada 19 Ogos 2013. Pada 26 November 2013, termeterailah Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UNITEN dengan MUIS (Mohd Ariff, 2015).

DAPATAN KAJIAN

Program Tahfiz mampu dilaksanakan di peringkat pengajian Tinggi

Kajian ini membuktikan Program Tahfiz mampu dilaksanakan dalam pengajian formal sama ada di Institut Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta (IPTA/S). Melihat kepada perkembangan pengajian Tahfiz di peringkat sekolah rendah dan menengah yang tumbuh bagai cendawan, di tambah pula perkembangan program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di bawah kendalian Kementerian Pendidikan membawa kepada keperluan bagi pelajar Tahfiz untuk mengekalkan hafazan al-Quran di peringkat pengajian Tinggi.

Program Tahfiz dan Kejuruteraan boleh dilaksanakan secara bersepadu

Di samping kemampuan melaksanakan program Tahfiz di peringkat pengajian Tinggi, kajian ini juga mendapati bahawa Program Tahfiz dan Kejuruteraan boleh dilaksanakan secara bersepadu. Ia memerlukan kerjasama yang besar bermula dari pengurusan tertinggi institusi dan semua unit di bawahnya bagi memantau dan mengekalkan kualiti dan objektif program ini dikekalkan.

Program ini berbeza dengan pelaksanaan di Pensijilan Tahfiz Al-Quran DQ-Universiti Islam Antarabangsa (UIA) kerana pelajar UIA akan menghabiskan hafazan di DQ sebelum menyambung pengajian di UIA. Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-UNITEN merupakan program Tahfiz dan Kejuruteraan yang berjalan secara serentak. Malah UNITEN telah menjadi penanda aras bagi Institusi lain dalam melaksanakan program ini seperti Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS), Universiti Teknikal Malaysia (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Selangor (Unisel) dan lain-lain (Mohd Ariff, 2015)

PENUTUP

Kajian ini diharap dapat memberi sedikit pendedahan kepada umum berkenaan program Huffaz Profesional yang dilaksanakan di Universiti Tenaga Nasional. Diharap penerapan nilai-nilai al-Quran akan terus berkembang dalam apa jua bidang yang ditawarkan di Malaysia agar generasi akan datang dapat terus menimba ilmu tanpa mengetepikan ilmu-ilmu dan pengajian berkaitan al-Quran sekaligus menyumbang kepada kepesatan negara tanpa menigalkan nilai-nilai dan kemuliaan al-Quran.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Anon. 2013. *Uniten lahir jurutera tahfiz al-Quran*. Utusan Malaysia 30 Disember 2013.

Brosur UNITEN.

Brosur Huffaz Profesional UNITEN.

Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mstar Online. 2013. *Lebih Banyak IPTS Diharap Tawar Program Pensijilan Tahfiz*. Mstar 20 Mac 2013.

Nordin Ahmad. 2016. *Memperkasakan Darul Quran Ke Arah Memartabatkan Pendidikan Tahfiz di Malaysia*. Kompilasi Kertas Kajian Pendidikan Tahfiz Siri 1 2016. Darul Quran. Selangor

Mohd Ariff Ahmad Tarmizi. Mantan Dekan Kolej Pengajian Asas dan Diploma, Universiti Tenaga Nasional. 12 Oktober 2015.

Muhammad Toriq Yaacob & Abdul Razak Mohd Zain. 2018. *Perkembangan Tahfiz Al-Quran: Suatu Kajian Di Darul Quran*. Koleksi Kajian Darul Quran. Darul Quran. Selangor.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh/timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.